



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN AKHBAR**

**SME CORP. MALAYSIA BANTU PKS TEMPATAN TINGKAT  
PENGELUARAN MELALUI SISTEM AUTOMASI & PEMBUNGKUSAN**

---

**[Jerantut, 26 Mei 2016]** Rombongan Media daripada Program Jejak PKS memulakan lawatan mereka pada hari ini dengan melawat syarikat Zararich Enterprise, salah sebuah syarikat yang mengeluarkan produk minyak wangi dan kosmetik di Jerantut, Pahang. Syarikat ini adalah sebahagian daripada 8 PKS di Semenanjung Malaysia yang bakal dilawati bagi memberi peluang kepada pengamal media untuk mengenali produk, perkhidmatan dan mendalami sendiri kisah kejayaan PKS di Malaysia. Syarikat Zararich Enterprise telah ditubuhkan pada Januari 2011 yang beroperasi sepenuhnya di Jerantut, Pahang diterajui oleh Puan Siti Rahmah Mohamad Anuar, seorang usahawan yang mempunyai pengalaman selama 12 tahun di dalam bidang kosmetik.

Turut hadir bersama-sama dengan rombongan media Jejak PKS ialah YB. Dato' Haji Shahiruddin Ab. Moin, Pengurus Jawatankuasa Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan Negeri Pahang. Lawatan kali ini juga turut menyaksikan pelancaran produk terbaru syarikat iaitu koleksi "Z'Rich Aura Spray Perfume" di samping penyerahan Surat Tawaran Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) oleh SME Corp. Malaysia. Melalui Program BEEP ini, syarikat Zararich Enterprise mampu menjalani transformasi sistem pembuatan mereka daripada manual kepada automasi sepenuhnya di samping mendapat bantuan untuk pembungkusan produk-produk baru yang dilancarkan pada hari ini.

Mensasarkan kewujudan dan pembangunan PKS yang berdaya saing, berdaya tahan dan dinamik, Program BEEP ini membantu PKS melalui pendekatan dan bimbingan yang bersepadu meliputi pengukuhan perniagaan, pembinaan kapasiti dan

keupayaan, peningkatan produktiviti serta kemudahan akses kepada pembiayaan. Selain itu, bantuan untuk meningkatkan kemahiran melalui latihan, mutu pembungkusan, pelabelan, persijilan, sistem pengurusan kualiti, inovasi, pengiklanan, promosi serta penjenamaan turut disediakan.

SME Corp. Malaysia sentiasa memastikan bantuan yang diberikan kepada PKS adalah holistik, bersesuaian dan menepati keperluan perniagaan mereka. Bagi mengenalpasti bantuan yang bersesuaian untuk syarikat Zararich Enterprise, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Penarafan Dayasaing PKS bagi Peningkatan (SCORE) dan seterusnya meluluskan bantuan kewangan berbentuk Geran di bawah BEEP bagi pembelian mesin *filling* dan *capping* automatik dan pembelian kotak serta botol baru yang akan meningkatkan produktiviti dan pengeluaran syarikat.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Reza Kamal Ramli di 03-2775 6258 ([reza@smeCorp.gov.my](mailto:reza@smeCorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smeCorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smeCorp.gov.my)).

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smeCorp.gov.my>  
e-mail: [info@smeCorp.gov.my](mailto:info@smeCorp.gov.my)

**SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.